



17 July 2012

Thailand tembak penyeludup dadah Myanmar

Bangkok: Pasukan keselamatan Thailand menembak mati orang yang disyaki penyeludup dadah dari Myanmar dalam satu pertempuran berhampiran sempadannya awal semalam, dipercayai yang terbesar dalam tempoh tiga tahun, kata polis.

Sementara itu, Myanmar melaporkan pihaknya merampas methamphetamin berhampiran sempadan China.

Ketua polis, Mejar Jeneral Surachet Thopunyanin, berkata pihaknya menerima maklumat dan menunggu di sempadan beberapa hari, sebelum menangkap penyeludup ketika menyeberang masuk ke wilayah Chiang Rai di Thailand.

“Penyeludup enggan berhenti dan pertempuran berlaku menyebabkan tujuh maut,” katanya.

Surachet berkata, seorang suspek melarikan diri dengan membawa 520,000 pil methamphetamin dan 70 kilogram kristal methamphetamin.

“Polis masih meneruskan usaha memburu suspek terbabit,” katanya.

Akhbar Myanmar Kyemon melaporkan, polis merampas 73 kilogram kristal methamphetamin dan ratusan kilogram bahan kimia bagi menghasilkan dadah bernilai 3.14 bilion kyat (RM9.8 juta) dalam serbuan di bandar Laukkai berhampiran sempadan China 9 Julai lalu. - AP